

## **MH17: Malaysia Sertai MoU Empat Negara Dakwa Pelaku**

**MStar Online**

**21 September 2017**

**PUTRAJAYA:** Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan empat negara lain bagi memperakukan iltizam bersama untuk mencari keadilan dan kebertanggungjawapan dengan memastikan pelaku dipertanggungjawabkan bagi penembakan pesawat Malaysia Airlines Penerbangan MH17 pada 14 Julai, 2014.

Selain Malaysia, Ukraine, Belgium, Australia dan Belanda juga memeterai MoU mengenai Sokongan Politik untuk Mendakwa Pelaku Penembakan MH17.

MoU itu ditandatangani di Kediaman Rasmi Wakil Tetap Belanda ke Pertubuhan Bangsa Bersatu di New York.

Wisma Putra dalam satu kenyataan pada Khamis berkata MoU tersebut ditandatangani pada Rabu di sela Perhimpunan Agung ke-72 Pertubuhan Bangsa Bersatu yang berlangsung sekarang.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman menandatangani MoU itu bagi pihak kerajaan Malaysia bersama rakan sejawatannya dari Australia, Belgium, Ukraine dan Belanda.

Kelima-lima negara itu telah menubuhkan Pasukan Siasatan Bersama (JIT) untuk menyelaraskan siasatan jenayah mengenai insiden penembakan pesawat MH17.

*Bangkai pesawat MH17 yang dihimpunkan semula dipamerkan di Gilze Rijen, Belanda.*

"(Negara-negara) memperakukan iltizam bersama untuk menegakkan keadilan dan kebertanggungjawapan dengan memastikan pelaku insiden adalah dipertanggungjawabkan seperti dituntut di bawah Resolusi 2166 Majlis Keselamatan PBB.

"Negara-negara JIT bersetuju untuk mendakwa pelaku penembakan penerbangan MH17 dan mengesahkan bahawa mereka akan membantu satu sama lain sekiranya mana-mana daripada mereka menghadapi sebarang tekanan luar untuk menjejaskan pendakwaan atau kerjasama di kalangan mereka," kata Wisma Putra.

Wisma Putra berkata Malaysia tidak berganjak dalam komitmennya untuk mendakwa pelaku penembakan MH17 dan mendapatkan keadilan bagi semua mangsa, ahli keluarga mereka dan orang tersayang.

"Malaysia berpuas hati dengan siasatan JIT diketuai Belanda setakat ini dan yakin bahawa pendakwaan negara di bawah undang-undang Belanda adalah pilihan paling wajar untuk membawa pelaku insiden itu ke muka pengadilan," kata kenyataan itu.

Wisma Putra berkata Malaysia juga berharap langkah pertama ini ke arah mendakwa pelaku insiden akan memberi sedikit kelegaan dan harapan kepada keluarga dan waris mangsa yang kehilangan orang tersayang dalam tragedi itu.

Pesawat Boeing B777, yang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur, ditembak jatuh di ruang udara Donetsk di timur Ukraine, pada 14 Julai, 2014, mengorbankan kesemua 298 penumpang dan anak kapal yang berada dalam pesawat malang itu. - *Bernama*

**Hakcipta Terpelihara © 2017 Star Media Group Berhad (ROC 10894D)**

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2017/09/21/mou-mh17/>